

11 OCT 1998

PAS

PAS BERSENDIRIAN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG

KEPALA BATAS, 11 Okt (Bernama) -- PAS tidak akan bekerjasama dengan parti lain untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang kerana tidak mahu dikhianati seperti di masa lepas, kata presidennya Datuk Fadzil Mohd Nor.

"Pengalaman lalu banyak memberikan kita pengajaran. Kita pernah bekerjasama dengan Umno dan parti serpihan Umno tetapi akhirnya mereka semua mengkhianati PAS," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan malam bersama Mursyidul Am, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan majlis pelancaran gerak kerja pilihan raya PAS di markasnya di Pongsu Seribu di sini malam tadi.

Fadzil berkata soal PAS bekerjasama dengan parti bukan Melayu atau bukan Islam tidak timbul kerana pakatan yang kini terjalin antara parti itu dengan DAP dan Parti Rakyat Malaysia dalam Malis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) adalah berlandaskan kepada "pemuafakatan kemanusiaan untuk menentang kezaliman".

Katanya, GERAK diwujudkan bukan kerana penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri secara peribadi tetapi untuk membela semua yang terbabit.

"ISA itu sangat zalim dan ia bercanggah dengan konsep keadilan dalam Islam serta sistem keadilan sejagat. Sebab itu kita menentang penggunaan ISA oleh kerajaan secara meluas untuk menakut-nakutkan rakyat," katanya.

Fadzil, yang juga pengerusi GERAK berkata, majlis itu akan melancarkan kempen poskad beberapa hari lagi untuk meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatannya dan mengadakan pilihan raya umum sekarang bagi menguji sejauh mana rakyat masih menyokong beliau.

Beliau mendakwa bahawa semakin ramai anggota Umno dan rakyat menyertai PAS kerana tidak lagi percaya dengan kepimpinan parti itu.

Pada majlis itu juga beliau menerima 500 borang permohonan menyertai PAS.

Nik Aziz pula menyangkal andaian kononnya PAS merupakan sebuah parti pelampau dan pengacau kerana terbukti masyarakat berbilang kaum di Kelantan menyenangi kepimpinan kerajaan PAS dan mereka hidup dalam keadaan yang aman walaupun PAS bukan sebuah kerajaan yang kaya.

-- BERNAMA

ZU MAI